

Rancangan kenalkan silat2 Melayu diatur

-6 FEB 1979

Pencak Silat

PERSEKUTUAN Seni Silat Singapura (Persisi) sedang menyusun dan akan melancarkan rancangan memperkenalkan lebih banyak jenis silat Melayu kepada orangramai.

Usaha ini akan diadakan secara sistematis termasuk membaiki taraf kelas-kelas silat di balai rakyat, memilih guru-guru silat yang berdedikasi dan layak serta memastikan bahawa setiap kursus yang dianjurkan akan berjalan dengan licin dari awal hingga akhir.

Menegaskan demikian Setiausaha Persisi, Encik Johari Uriff, menarik perhatian bahawa dalam masa yang sama pihaknya akan berusaha meninggikan dan mempertahankan mutu seni silat di seluruh Singapura.

"Sejauh ini kelas-kelas silat yang diadakan di kebanyakan tempat hanya mengemukakan beberapa jenis silat tertentu saja, menyebabkan sebahagian jenis yang lain agak ter-

pencil kedudukannya dari pengetahuan dan minat masyarakat.

"Kami akan berusaha mengemukakan lebih banyak jenis silat yang diajar di balai-balai rakyat, dengan ini memberikan peluang yang sama kepada semua jenis silat yang terdapat di sini.

"Pada masa yang sama Persisi akan berusaha mendapatkan guru-guru silat yang cekap dan bertaualah untuk menjayakan satu-satu jenis silat yang dianjurkan supaya ia pasti bergerak dengan lancar dan tidak pula terkandas di tengah jalan."

Bayar lebih

Persisi, tambahnya, akan memastikan bahawa seseorang guru silat yang dipilih itu berdedikasi penuh dalam melaksanakan tugasnya dan tidak meninggalkannya setelah beberapa waktu tertentu semata-mata kerana ada tawaran mengajar di tempat

lain yang memberikan bayaran lebih.

"Penganjuran kelas-kelas silat yang sistematis dan tersusun seperti ini boleh memajukan seni silat setapak demi setapak pada keseluruhannya dengan berkesan.

"Pemindahan dan penarikan diri seseorang guru silat akan membosankan para penuntutnya. Bila minat mereka terjejas, bererti perkembangan silat terjejas. Begitu juga mutunya," tegasnya.

Dalam hal ini, Persisi akan bersedia membantu guru silat yang menghadapi masalah. "Mereka hanya perlu mengemukannya pada kami, dan kami akan membantu menghuraikan apa saja masalah yang dihadapi."

Encik Johari selanjutnya menarik perhatian bahawa taraf serta mutu silat yang diadakan dalam persembahan atau pertunjukan juga adalah penting dan perlu diberikan perhatian serius.

Dia kemudian menerusi badan-badan yang menerima jemputan mengadakan pertunjukan supaya menghubungi Persisi sebelum mengadakan pertunjukan. Persisi akan membantu memastikan bahawa mutu seni silat yang dipersembahkan itu adalah tinggi dan boleh dibanggakan, jelasnya.

Jaga imej

-6 FEB 1979

"Sesuatu pertunjukan silat, sama ada untuk pelancung atau di hotel-hotel, adalah mewakili seni silat Melayu di peringkat kebangsaan, dan ini bukan perkara remeh yang boleh diadakan dengan mudah. Kita perlu menjaga imej silat," tegasnya.

Encik Johari selanjutnya menegaskan bahawa Persisi telahpun mengutus surat kepada Lembaga Penggalak Pelancungan Singapura berhubung dengan soal pertunjukan ini dan menjangka akan mendapat jawapan tidak lama lagi.

Esha mendapat kelulusan Pendaftar - Macu

Pencak Silat

-9 FEB 1979

PERKUMPULAN Seni Silat Setia Hati (Esha) Singapura telah mendapat kelulusan dari Pendaftar Persatuan-Persatuan dan Unit Kawalan Pertahanan Diri (Macu), demikian menurut setiausaha Encik Mohamed Kaspari.

Perkumpulan itu telah didaftar pada 27 Januari lalu, setelah silat Esha wujud dalam tahun 50, di merata Republik ini, tetapi tidak ada persatuan atau perkumpulan yang menggalakkan perkembangannya.

Dia kemudian menasihatkan para pesilat Esha yang telah belajar silat itu, supaya menjadi anggota perkumpulan mereka.

Ini disebabkan perkumpulan itu mempunyai dua orang guru untuk melatih para pesilat yang menjadi anggotanya. Mereka yang berminat boleh berhubung dengannya untuk mendapatkan borang di alamat 2709 G, Eunos Crescent.

Yuran bersekutu untuk menjadi anggota perkumpulan itu dikenakan \$2 dan bulanan pula \$1. Dan sejauh ini mereka telah mempunyai kira-kira 100 orang ahli.

Di samping itu, ia juga mempunyai kumpulan kompong Esha, kerana bila para pesilat menunjukkan permainannya, mereka akan diiringi dengan kompong berbanding dengan silat-silat jenis lain yang diiringi dengan gamelan.